

05 DEC 1998

ANGGOTA MAYC DEMONSTRASI BANTAH KENYATAAN SOROS

KAMPUNG GAJAH, 5 Dis (Bernama) -- Seramai 200 orang anggota Persatuan kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) hari ini mengadakan demonstrasi secara aman di sini hari ini membantah kenyataan George Soros yang mahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkir, dan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan.

Mereka, yang merupakan peserta kursus pengurusan dan pentadbiran MAYC Zon Tengah selama tiga hari di Institut Latihan Datuk Sagor di sini juga turut mengemukakan memorandum bantahan terhadap kenyataan pedagang matawang itu dan juga campur tangan Amerika Syarikat dalam hal ehwal dalaman negara.

Walaupun dalam keadaan hujan lebat, ianya tidak mematahkan semangat para belia itu membawa pelbagai pelekat dan kain rentang yang mengutuk Soros di tengah pekan Kg Gajah, yang berhampiran dengan Pasir Salak tempat Resident British JWW Birch di bunuh pada 1786.

Pada awalnya, para belia itu merancang untuk berarak dari Kampung Gajah ke Pasir Salak bagi mengenangkan kembali sejarah penjajahan negara, bagaimanapun kerana hujan lebat mereka terpaksa membatalkan niat tersebut.

Sementara itu, Setiausaha Agung MAYC Sheikh Badar Sheikh Embong memberitahu pemberita bahawa memorandum itu akan disampaikan kepada Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, yang juga Timbalan Presiden MAYC, yang akan menutup kursus itu malam ini untuk disampaikan kepada Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

HK WAT